

07/09/2005

Mahathir-Globalisasi

JANGAN TERIMA GLOBALISASI BULAT-BULAT, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia harus berhati-hati dalam soal globalisasi dan tidak harus menerimanya bulat-bulat.

"Kita sebenarnya tidak perlu pun pada globalisasi (kerana) sebelum ia (diperkenalkan pun) kita sudah berjaya. Satu-satunya sebab kenapa kita terpaksa menerima globalisasi ialah kerana negara-negara kaya mengancam untuk menggunakan pasaran mereka untuk menekan kita. Sebagai sebuah negara perdagangan, kita perlukan pasaran," katanya.

Berucap pada Forum Kepimpinan Sedunia 2005, Dr Mahathir berkata Malaysia perlu mengambil langkah memastikan agar ancaman menutup pasaran asing kepada barangan dan produk dari negara ini mempunyai kesan paling minimum terhadap Malaysia.

"Hari ini, 20 peratus daripada dagangan kita ialah dengan Amerika Syarikat. Kita perlu kurangkan peratusan ini dengan menambah dagangan kita dengan negara-negara yang memerlukan barangan kita. Kita perlu luaskan dagangan kita dengan Asia Timur Laut, dengan Asia Tenggara dan dengan India. Inilah kawasan-kawasan yang akan berkembang di masa depan," katanya.

Dr Mahathir berkata bahawa dalam satu tempoh masa yang singkat, China dan India bukan saja akan menjadi kuasa ekonomi dunia dan pusat perindustrian dunia tetapi juga pasaran terbesar di dunia.

Dr Mahathir berkata jelas sekali bahawa globalisasi adalah satu cabaran kerana globalisasi yang sedang berlaku diberi takrif oleh negara-negara kaya, dan negara-negara ini melihat banyak peluang bagi diri mereka dan bagi syarikat-syarikat gergasi mereka untuk mengeksploit negara-negara seperti Malaysia.

Untuk kekal sebagai antara pesaing di peringkat dunia, katanya, kerajaan harus melakukan apa yang terdaya olehnya untuk mengekalkan kestabilan negara dan mempunyai satu jentera pentadbiran yang agak baik.

"Pentadbiran (sekarang) memang cekap tetapi ia boleh dibaiki lagi. Dan dalam usaha untuk mengekalkan daya saing Malaysia, jentera pentadbiran perlu dipertingkatkan.

"Tiada lain selain kecekapan, kepantasan dan ketiadaan rasuah yang dapat menjamin satu kelebihan daya saing yang maksimum untuk sesebuah negara," katanya.

Dr Mahathir berkata negara perlu memilih satu bidang untuk cemerlang, sediakan insentif dan infrastruktur, laksanakan dasar pendidikan yang menjurus ke arah mengendali industri baru dan "seribu satu perkara lagi yang harus dilakukan supaya Malaysia tidak ketinggalan dalam sebuah dunia baru tanpa sempadan."

Malaysia pada masa ini sedang berdepan dengan masalah yang serupa yang dihadapi oleh Eropah apabila industri berintensifkan tenaga buruh masing-masing menjadi tidak lagi kompetitif.

Berbanding dengan jiran-jirannya dan juga China, kos buruh di Malaysia tidak lagi merupakan satu kelebihan, dan untuk kekal berdaya saing, ia perlu mengubah kepada industri lain, kata Dr Mahathir.

Beliau berkata Malaysia juga perlu memberi tumpuan ke arah mengeluarkan satu kumpulan baru pekerja yang berkelayakan tinggi, dan ini hanya boleh dicapai jika sistem pendidikan negara menyediakan kemahiran intelek baru dengan memberi tumpuan kepada sains dan matematik.

"Kita boleh dapatkan ilmu dan kemahiran jika kita bertekad untuk belajar. Sebilangan kecil mungkin perlu belajarnya secara menyeluruh tetapi

buat sebahagian besar, apa yang perlu ialah menguasai bahagian tertentu saja yang relevan dengan kerja yang mereka lakukan," katanya.

Dr Mahathir mencadangkan genetik dan biosains sebagai bidang untuk diterokai oleh Malaysia supaya negara ini sentiasa kompetitif.

"Kita mungkin melangkah ke bidang pertanian. Mungkin itu jawapannya untuk mengekalkan daya saing kita. Lagipun, kita sudah berjaya sebagai pembekal terbesar dunia bagi getah dan minyak sawit serta juga lada, koko, kelapa dan lain-lain," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia juga perlu menimbang memberi nilai tambahan kepada semua keluarannya, daripada getah ke minyak sawit ke mikrochip, hingga ke pemasaran perkhidmatan dan kemahiran di luar negara.

"Pada hakikatnya, untuk terlalu bergantung kepada perdagangan adalah bahaya, kerana jika sesuatu berlaku kepada rakan dagangan kita, maka kita akan merasai kesannya.

"Untuk kekal kompetitif, kita hendaklah cuba mengurangkan peningkatan pada peratusan sumbangan perdagangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar. Ini bermakna, sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi khususnya dari sumber-sumber domestik, perlu ditambah," katanya.

-- BERNAMA

SR AM MAI